



**UNIT KOMUNIKASI
KORPORAT
JABATAN PERIKANAN
MALAYSIA**

BERITA PERIKANAN HARI INI

20 JANUARI 2021

SENARAI AKHBAR	TAJUK
Utusan Malaysia	<ul style="list-style-type: none">• 2 nelayan bawa 10 bungkusan teh cina berisi syahbu ditahan
Berita Harian	
Harian Metro	
Kosmo	
Sinar Harian	<ul style="list-style-type: none">• 10 jam bawa dadah di tengah laut• Mayat 'Sarjan' di muara sungai
New Straits Times	
The Star	
Bernama	
Lain- Lain Akhbar	

10 jam bawa dadah tengah laut

Sinar 20

Dua nelayan ditangkap ketika bawa 10.5kg syabu dari Pulau Langkawi ke Pulau Pinang

Oleh SYAJARATULHUDA MOHD ROSLI

GEORGETOWN

Tindakan dua nelayan membawa 10.5 kilogram dadah jenis syabu dari Pulau Langkawi ke Pulau Pinang selama 10 jam tidak berbaloi apabila mereka ditahan sepasukan polis di Jeti Nelayan Sungai Gelugor, Batu Uban di sini pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Sofian Santong berkata, kedua-dua mereka yang masing-masing warga tempatan dan Thailand itu dicekup sebelum sempat menyerahkan bekalan dadah itu kepada pembeli.

Menurutnya, siasatan awal mendapati, dadah bernilai RM472,500 yang diperolehi dari negara jiran itu untuk dihantar kepada sindiket pengedaran dadah di negeri ini.

"Kita berjaya menahan seorang lelaki tempatan berusia 52 tahun dan lelaki warga Thailand berumur 36 tahun.

"Ketika serbuan, mereka



Soffian (tengah) bersama pegawaiya menunjukkan dadah syabu yang dirampas di Jeti Nelayan Sungai Gelugor, Batu Uban, Georgetown pada Ahad.

baru tiba di jeti tersebut dan masih berada di atas bot nelayan berkenaan. Hasil pemeriksaan, kita menemui sebuah guni yang disembunyikan di bawah pukat ikan dengan dalamnya terdapat 10 bungkus teh herba cina yang mengandungi syabu seberat 10.5 kilogram," katanya di sini pada Selasa.

Beliau berkata, kedua-dua nelayan berkenaan berperanan sebagai penghantar dadah dengan upah yang dijanjikan sebanyak RM10,000 untuk sekali penghantaran.

Soffian berkata, kedua-dua suspek menggunakan laluan laut kerana menyangkakan ia lebih selamat berbanding laluan darat yang kini sedang dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Mereka sebelum ini pernah menghantar bekalan dadah ke

beberapa lokasi lain dengan menggunakan laluan laut namun pertama kali ke Pulau Pinang. Bagaimanapun, kali ini mereka tidak berjaya apabila kegiatan mereka berjaya dihindu pihak berkuasa.

"Bekalan dadah tersebut adalah untuk pasaran tempatan. Sekiranya ia terlepas di pasaran, ia mampu dibekalkan kepada 50,000 penagih. Kita juga tidak menolak kemungkinan sindiket pengedaran dadah ini mempunyai hubungan dengan rangkaian di luar negara," katanya.

Beliau berkata, lelaki warga Thailand itu tidak mempunyai sebarang dokumen perjalanan diri dan bekerja sebagai nelayan di Pulau Langkawi.

"Ujian air kencing kedua-dua suspek positif dadah. Mereka direman sehingga 22 Januari ini untuk siasatan lanjut," katanya.

2 nelayan bawa 10 bungkusan teh Cina berisi syabu ditahan

39
VM

GEORGETOWN: Cubaan berani dua nelayan membawa bekalan syabu bernilai RM472,500 melalui jalan laut dari Langkawi ke negeri ini memakan diri apabila mereka diberkas polis di kawasan Jeti Nelayan Sungai Gelugor, di sini Ahad lalu.

Suspek yang merupakan lelaki Melayu dan warga Thailand masing-masing berusia 52 dan 36 tahun itu ditahan sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut (IPDTL) sebaik sahaja tiba di jeti berkenaan kira-kira pukul 11.30 pagi.

Bot nelayan yang dinaiki suspek adalah milik lelaki warga Thailand yang dipercayai tinggal di Langkawi.

Ketua Polis Daerah Timur Laut, Asisten Komisioner Sofian Santong berkata, tangkapan dilakukan selepas 10 jam suspek menaiki bot ke Pulau Pinang.

Menurutnya, hasil pemeriksaan lanjut menemukan satu guni berisi 10 bungkusan minuman teh Cina yang diisi ketulan kristal dipercayai syabu seberat 10.5 kilogram di bawah longgokan pukat.

"Soal siasat ke atas suspek mendapati mereka baru pertama kali masuk ke Pulau Pinang menggunakan lajuan laut dan



SOFFIAN Santong (tengah) menunjukkan syabu seberat 10.5 kilogram yang dirampas dari sebuah bot dalam sidang akbar di Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut, Georgetown, Pulau Pinang semalam. -UTUSAN/
NOOR HASLIZA NUSI


sebelum itu sesat sehingga ke Tanjung Dawai.

"Suspek bertindak sebagai penghantar dadah dengan upah RM10,000 untuk satu perjalanan.

"Mereka dikatakan menerima bayaran deposit sebanyak RM3,500 dan bakinya ada dib-

ayar kemudian," katanya dalam sidang akbar di IPDTL di sini hari ini.

Suspek kini ditahan reman sehingga 22 Januari ini bagi membantu siasatan mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.



Mangsa ditemui lemas di muara Sungai Langat, Kampung Kelanang, selepas bot dinaiki dipercayai terbalik, pada Isnin.

KUALA LANGAT - Seorang nelayan ditemui mati lemas di muara Sungai Langat, Kampung Kelanang di sini pada Isnin.

Ketua Polis Daerah Kuala Langat, Superintendant Azizan Tukiman berkata, mangsa dikenali Sidin Osman, 65, dijumpai terapung oleh nelayan lain sebelum dibawa ke Jeti Nelayan Kampung Kelanang.

"Siasatan awal mendapati bot dinaiki mangsa yang turun ke laut seorang diri untuk menjaring ikan

itu dipercayai terbalik.

"Mayat mangsa dibawa ke Hospital Banting untuk bedah siasat," katanya kepada *Sinar Harian* pada Selasa.

Tambahnya, tiada sebarang unsur perbuatan jenayah hingga menyebabkan kematian dan kes diklasifikasikan sebagai mati mengejut.

Difahamkan, mangsa adalah bekas jurulatih kawad Jabatan Sukarelawan Malaysia (Rela) dan mesra dengan panggilan 'Sarjan'.